

Berita Manmin

NO. 23 30 APRIL 2023

Perjumpaan Kesembuhan Ilahi untuk orang yang sakit memuliakan Tuhan dengan kesaksian pada masa nyata!



Pada 24 Mac 2023 iaitu ketika Ibadat Sepanjang Malam Jumaat, Perjumpaan Kesembuhan Ilahi disiarkan secara langsung menerusi GCN TV (www.gcntv.org) ke setiap pelosok dunia. Dr. Soojin Lee, pemangku Pastor Kanan yang memimpin perjumpaan kesembuhan itu bersungguh-sungguh berdoa dengan sapu tangan kuasa Tuhan (Kisah Rasul-rasul 19:11-12). Ramai orang, bukan sekadar di Korea malah di pelbagai negara lain, sembah daripada pelbagai penyakit, dan menerima jawapan dan berkat. Kesaksian mereka dikongsikan pada masa nyata melalui panggilan telefon dan platform media sosial, dan memuliakan Tuhan sehingga ke hari ini.

Sembuh daripada kemurungan selepas bersalin dan kebergantungan pada minuman keras

“Terima kasih Tuhan. Engkau telah menyelamatkan aku daripada kematian yang kekal dan memberikan aku kehidupan yang baru!”

Saudari Sujin Lim (Usia 32, Paroki Ke-19)



Saya berusia tujuh tahun ketika saya menghadiri gereja Manmin dengan ibu saya pada 31 Disember 1998. Saya menghadiri gereja atas rasa tanggungjawab tetapi saya masih mencintai dunia dengan kehidupan bersosial. Pada bulan Mei 2017, saya melahirkan seorang anak lelaki. Tidak lama kemudian, saya mengalami kemurungan selepas bersalin. Akibatnya, saya mula minum minuman keras sehingga ke tahap mempunyai kebergantungan pada minuman keras. Kehidupan saya mula merosot dari saat itu dan menjadi semakin hancur. Pada bulan Julai dan Disember 2020, saya mengalami kengerian neraka. Pada suatu malam, dalam mimpi saya melihat diri saya menderita di dalam api neraka. Saya hampir-hampir merasakan bahang api itu. Mimpi itu begitu nyata sehingga saya terjaga dengan serta-merta. Saya cuba bertaubat dengan linangan air mata tetapi malangnya tiada perubahan dalam kehidupan Kristian saya.

Pada 15 Februari 2023, saya dimasukkan ke hospital akibat kemurungan selepas bersalin yang teruk dan kebergantungan pada minuman keras. Pada titik terendah dalam hidup saya, saya tahu satu-satunya yang dapat saya harapkan ialah Tuhan. Dengan desakan harapan untuk sembah, saya bersungguh-sungguh berdoa kepada Tuhan dengan iman. Tuhan Bapa Yang

Maha Kasih tidak berpaling daripada saya. Saya teringat mimpi-mimpi ngeri tentang neraka yang pernah saya alami. Saya sedar bahawa semuanya adalah atas rahmat daripada Tuhan yang mahu saya benar-benar bertaubat daripada cara hidup saya yang duniawi dan kembali ke dalam dakapan Tuhan. Dengan rahmat ini, saya bertaubat dengan segenap hati saya dan memberitahu ibu saya bahawa saya hanya mahu berharap kepada Tuhan untuk disembuhkan. Ibu saya bersetuju lalu kami mula berdoa bersama-sama untuk menerima kerja kesembuhan daripada Tuhan. Pada 22 Februari, satu minggu selepas saya dimasukkan ke hospital, saya dibenarkan keluar.

Saya menghadiri ibadat Ahad di gereja Manmin di Bupyeong, dan di sana saya berdoa dengan bersungguh-sungguh dalam Perjumpaan Doa Nazar Daniel dari 6 hingga 26 Mac. Saya juga mula mengambil bahagian dalam kempen-kempen kehidupan Kristian seperti membaca Alkitab, membaca buku-buku Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee, doa puasa dan membuat rumusan khutbah. Kemudian, kasih Tuhan tercurah ke dalam hati saya dan saya mendapat ketenangan. Tanpa saya duga, tiada gejala yang ketara ditunjukkan walaupun saya telah berhenti mengambil ubat untuk penyakit saya.

Selain itu, anak saya yang berusia tujuh

tahun turut terkesan akibat masalah pada diri saya. Dia terkejut melihat ibunya mempunyai kebergantungan pada minuman keras dan sebelum ini sering mengalami mimpi buruk. Baru-baru ini saya memasang rakaman doa Pastor Kanan untuk orang sakit untuk diperdengarkan kepadanya, dan menyemburkan Air Muan pada anak saya. Sekarang dia dapat tidur dengan nyenyak tanpa sebarang mimpi buruk dan menghormati hari Ahad sebagai hari yang suci. Dia seronok menghadiri Sekolah Minggu Kanak-kanak.

Kehidupan saya sebelum ini penuh dengan kesedihan, keputusasaan, kesakitan dan ketakutan dalam bayang-bayang kegelapan; tetapi sekarang penuh dengan kedamaian, kebahagiaan dan harapan dalam ruang cahaya dan kasih Tuhan. Haleluyah! Secara khususnya, saya bersyukur kerana diberikan peluang untuk memberikan kesaksian dan memuliakan Tuhan dalam Perjumpaan Kesembuhan Ilahi pada 24 Mac. Saya sangat berharap kesaksian saya akan menyedarkan ramai orang yang tersesat di dunia ini. Saya benar-benar memberikan kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Triniti: Tuhan Bapa, Tuhan Yesus Kristus dan Roh Kudus Pembantu yang menyelamatkan saya daripada kematian kekal dan memberi saya kehidupan baru.

Tubuh kebangkitan dan tubuh syurgawi

Yesus mati di atas kayu salib untuk menebus dosa manusia, mengatasi kematian, dan bangkit pada hari ketiga. Yesus Kristus Penyelamat kita tinggal bersama pengikut-pengikut-Nya selama 40 hari dalam tubuh kebangkitan lalu naik ke syurga di hadapan kira-kira 500 orang. Dia akan kembali di atas awan kemuliaan.

Kebangkitan kita pada hari kedatangan kedua Tuhan Yesus di angkasa

Tuhan Yesus bangkit pada hari ketiga penyaliban dan penguburan-Nya. Kemudian, Dia menampakkan diri di hadapan pengikut-pengikut-Nya, justeru itu menanamkan harapan untuk kebangkitan ke dalam hati mereka. Dia membolehkan mereka tahu rupa tubuh kebangkitan. Tubuh kebangkitan tidak mati dan tidak mereput. Tubuh kebangkitan mempunyai akses yang tiada batas dalam ruang fizikal. Dalam tubuh kebangkitan, kita dapat menyentuh, bernafas, makan dan minum (Yohanes 20:19-29; Lukas 24:42-43).

Selepas naik ke syurga, Tuhan Yesus menyediakan tempat kediaman syurgawi bagi kita dan akan datang semula di angkasa untuk membawa kita ke Syurga. Pada hari itu, tubuh orang yang mendapat keselamatan tetapi telah dikebumikan akan bangkit lalu terangkat ke angkasa dan bergabung dengan roh mereka yang datang dari syurga bersama dengan Tuhan Yesus. Gabungan tubuh kebangkitan dan roh dikatakan sebagai kebangkitan orang Kristian. Selepas itu, orang yang mendapat keselamatan dan yang masih hidup akan berubah kepada tubuh yang tidak akan binasa dan terangkat ke angkasa untuk bertemu dengan Tuhan Yesus (1 Korintus 15:51-53).

Pada hari itu, tanpa mengira usia duniawi sebelumnya atau jantina, semua orang Kristian akan mengenakan tubuh kebangkitan berusia 33 tahun. Mereka mempunyai rambut perang yang sedikit beralun dengan ketinggian kira-kira 170cm untuk wanita dan 190cm untuk lelaki. Sebab mereka mempunyai tubuh kebangkitan berusia 33 tahun adalah kerana Tuhan Yesus kita memenuhi pelayanan-Nya di bumi pada usia 33 tahun. Usia 33 tahun juga dianggap sebagai kemuncak kehidupan seseorang dan orang yang berusia 33 tahun kelihatan paling cantik dan dipupuk dengan baik dan matang.

Tubuh kebangkitan dan tubuh syurgawi

Apakah perbezaan antara tubuh kebangkitan dan tubuh syurgawi?

Tubuh syurgawi ialah kesempurnaan tubuh rohani kita, dan melebihi tubuh kebangkitan. Kilauan tubuh syurgawi melambangkan tahap penyucian dan mendedahkan ganjaran, kemuliaan dan autoriti yang diterima daripada Tuhan ketika Penghakiman Takhta Putih Besar.

Apakah sebabnya kita mempunyai proses perantaraan iaitu tubuh kebangkitan sebelum tubuh syurgawi?

Kerajaan syurga untuk tempat kediaman kekal kita dan angkasa untuk tujuh tahun perjamuan kahwin adalah berbeza dari segi kepadatan dan peredaran masa. Selain itu, tubuh kebangkitan di angkasa dan Kerajaan Seribu Tahun adalah berbeza sama sekali daripada

Tubuh rohani dan tubuh syurgawi

‘Tubuh rohani’ seseorang merujuk kepada bentuk rohnya sendiri. 1 Korintus 15:39 menyatakan, “Tubuh makhluk hidup tidak semuanya sama; tubuh manusia, haiwan, burung, dan ikan semuanya berbeza.” Semua organisme hidup mempunyai tubuh masing-masing yang unik dan tidak sama. Demikian jugalah roh setiap orang juga mempunyai tubuh rohani mereka sendiri yang dapat diberikan sebagai bentuk unik mereka sendiri.

Tubuh rohani setiap orang Kristian adalah berbeza bergantung kepada keadaan pada waktu mereka mati secara fizikal dan betapa mereka menjadi suci. Sebagai contoh, jika kanak-kanak Kristian mati, mereka akan mempunyai tubuh rohani kanak-kanak. Jika remaja Kristian mati, mereka akan mempunyai tubuh rohani remaja. Begitu juga dengan orang Kristian yang dewasa.

Orang yang mendapat keselamatan tetapi telah mati tinggal di Tempat Penantian di Firdaus dalam bentuk tubuh rohani, mendambakan kedatangan kedua Tuhan Yesus di angkasa dan kebangkitan mereka. Apabila Tuhan Yesus datang semula di angkasa, mereka akan bersama-sama Dia dalam tubuh rohani dan bergabung dengan tubuh kebangkitan mereka yang akan diangkat dari Bumi. Mereka akan diikuti oleh orang yang mendapat keselamatan dan masih hidup di Bumi, dan semua mereka akan mengikuti perjamuan kahwin di angkasa bersama-sama Tuhan Yesus. Apabila Tuhan Yesus turun ke Bumi lagi, mereka akan menyertai dan memerintah bersama Kristus selama seribu tahun (Wahyu 19:1-20:10). Selepas itu, Penghakiman Takhta Putih Besar akan diadakan, lalu orang yang mendapat keselamatan mengenakan tubuh syurgawi dan memasuki tempat kediaman syurgawi masing-masing untuk kebahagiaan kekal di dalam kerajaan syurga yang gah (Wahyu 21:22).

Hanya dengan melihat tubuh syurgawi setiap orang di syurga, kita dapat melihat betapa dalam mereka mengasihi Tuhan, tahap ketiaatan mereka kepada Firman Tuhan, dan tahap kesetiaan dan pengabdian mereka. Kita juga dapat meneka betapa mulianya tempat kediaman mereka dan jumlah ganjaran dan kemuliaan mereka di syurga.

Sebab kita mempunyai tubuh kebangkitan sebelum tubuh syurgawi

Apakah sebabnya kita mempunyai proses perantaraan iaitu tubuh kebangkitan sebelum tubuh syurgawi?

Kerajaan syurga untuk tempat kediaman kekal kita dan angkasa untuk tujuh tahun perjamuan kahwin adalah berbeza dari segi kepadatan dan peredaran masa. Selain itu, tubuh kebangkitan di angkasa dan Kerajaan Seribu Tahun adalah berbeza sama sekali daripada

tubuh rohani yang tinggal di Tempat Penantian di Firdaus. Tubuh rohani terasa seperti mimpi, tetapi tubuh kebangkitan terasa seperti realiti. Orang yang mendapat keselamatan perlu untuk melalui tempoh penyesuaian seperti tubuh rohani di Tempat Penantian di Firdaus dan tubuh kebangkitan di angkasa dan di Kerajaan Seribu Tahun sebelum hidup di kerajaan syurga yang kekal dalam tubuh syurgawi.



Oleh Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee

Apabila orang menerima Tuhan Yesus, mereka menetapkan matlamat utama untuk menerima keselamatan sejati dan masuk ke Syurga. Jika mereka berkata, “Ya Tuhan! Ya Tuhan!” tetapi mereka tidak dapat masuk ke Syurga, betapa menyedihkan! Marilah kita meneliti beberapa situasi orang yang mengaku iman mereka tetapi tidak dapat menerima keselamatan dan justeru itu tidak dapat masuk ke Syurga.

Situasi 1: Mengkufuri, Mengganggu, dan Berkata-kata Menentang Roh Kudus

“Mengkufuri”, “mengganggu” dan “berkata-kata menentang” Roh Kudus merujuk kepada kata-kata yang diucapkan dan perbuatan yang dilakukan untuk menentang kerja Tuhan (Matius 12:31-32; Markus 3:20-30; Lukas 12:10). Tidak seperti penganiayaan terhadap gereja oleh orang bukan Kristian yang tidak mengenal Tuhan, kata-kata dan perbuatan ini datang daripada orang yang mengaku iman mereka kepada Tuhan dan mengetahui kebenaran. Tiada keselamatan bagi orang yang sedemikian kerana mereka dengan sengaja menentang kerja Tuhan berikutan kejahatan mereka.

Selepas menyaksikan kesembuhan daripada penyakit dan kelemahan tubuh dan roh jahat diusir keluar dengan kuasa Tuhan, jika seseorang masih mengkufuri, mengganggu dan berkata-kata menentang Roh Kudus dengan mengatakan bahawa hal sedemikian ialah “kerja Iblis”, bagaimanakah mungkin dia dapat dianggap sebagai anak Tuhan? Apabila menyaksikan kerja Tuhan yang tidak dapat ditiru oleh kemampuan manusia, orang Kristian yang mempunyai hati yang baik tidak akan berbuat apa-apa perkara yang lain melainkan mengucapkan syukur dan memuliakan Tuhan.

Sebaliknya, orang yang jahat dengan cepat menyangkal kerja Roh Kudus dan menentang Tuhan. Roh jahat tidak mempunyai kuasa untuk menyembuhkan orang daripada penyakit atau kelemahan tubuh mereka. Roh jahat tidak mungkin memberarkan orang untuk memuliakan Tuhan dengan mengusir roh jahat dan menyembuhkan orang yang sakit! Perkara yang berkaitan dengan kekufuran juga berlaku untuk mengganggu pelayanan hamba-hamba Tuhan yang menyatakan kuasa-Nya. Gangguan sedemikian adalah sama seperti menentang Tuhan secara langsung kerana mereka

Pesan Salib (23)

Orang tanpa Keselamatan walaupun Mereka Mengaku Iman kepada Tuhan (2)

“Tidak semua orang yang memanggil Aku, ‘Ya Tuhan, ya Tuhan,’ akan menikmati Pemerintahan Allah, tetapi hanya orang yang melakukan kehendak Bapa-Ku yang di syurga” (Matius 7:21).

“...Tetapi ada dosa yang mengakibatkan orang kehilangan hidup itu.

Aku tidak berkata bahawa kamu harus berdoa kepada Allah tentang hal itu” (1 Yohanes 5:16).

bertindak untuk menyangkal hamba Tuhan dan kerja Roh Kudus yang dinyatakan melalui mereka.

Pada masa Keluaran apabila orang Israel tidak mempunyai apa-apa makanan, mereka meletakkan semua kesalahan ke atas Musa dan Harun serta bersungut terhadap mereka. Musa berkata kepada mereka, “TUHAN akan memberi kamu daging untuk dimakan pada waktu petang, dan seberapa banyak roti yang kamu kehendaki pada waktu pagi, kerana Dia telah mendengar betapa seringnya kamu bersungut terhadap-Nya. Sesungguhnya, sungutan kamu bukanlah terhadap kami, tetapi terhadap TUHAN” (Keluaran 16:8). Dalam lima ayat pertama Kisah Rasul-rasul ialah kisah Ananias dan isterinya, Safira. Mereka telah berikrar untuk menjual sebidang tanah mereka dan memberikan wangnya kepada Tuhan. Walau bagaimanapun, atas ketamakan mereka, mereka menyimpan sebahagian wang untuk diri mereka sendiri dan hanya membawa sebahagian wang kepada Petrus. Mereka berpura-pura bahawa mereka memberikan semua wang yang diperoleh mereka. Oleh sebab mereka bukan sahaja menipu Petrus malah Roh Kudus serta berdusta kepada Tuhan sendiri, mereka menghadapi kematian tanpa diberi peluang untuk bertaubat (Kisah Rasul-rasul 5:1-11).

Situasi 2: Mempermalukan Anak Tuhan di Hadapan Umum dengan Menyalibkan-Nya Lagi

Kita baca dalam Ibrani 6:4-6, “Hal ini demikian, kerana orang yang tidak mahu percaya kepada Kristus lagi, tidak dapat dipimpin kembali supaya bertaubat. Mereka pernah berada dalam terang Allah; mereka pernah menikmati pemberian Allah, dan menerima Roh Allah yang menjadi bahagian mereka. Melalui pengalaman, mereka tahu bahawa firman Allah baik, dan mereka telah merasai kuasa daripada kurnia Allah pada zaman yang akan datang. Tetapi sesudah itu mereka tidak mahu percaya kepada Kristus lagi! Tidak mungkin mereka dipimpin kembali supaya bertaubat, kerana mereka menyalibkan Anak Allah lagi dan mempermalukan Dia di hadapan umum.” Ayat-ayat ini merujuk kepada orang yang walaupun telah menerima Roh Kudus, mengalami rahmat Tuhan, mengetahui kewujudan Syurga dan Neraka, serta mendengar dan percaya kepada Firman kebenaran namun tergoda, meninggalkan Tuhan, kembali ke dunia,

dan dengan terang-terangan menghalang kemuliaan Tuhan daripada dinyatakan.

Walau bagaimanapun, Iblis akan bekerja dengan lebih ganas lagi terhadap semua orang yang kembali ke dunia walaupun selepas mengalami rahmat Tuhan di tengah-tengah kerja Roh Kudus kerana kegelapan dalam diri mereka akan menjadi lebih besar. Mereka akan melakukan kejahanan yang lebih besar lagi daripada orang bukan Kristian, menyangkal rahmat yang pernah diterima oleh mereka, malah menerjui penganiayaan terhadap gereja dan orang Kristian. Orang yang mempermalukan Tuhan Yesus kita di hadapan umum tidak akan dapat menerima roh pertaubatan, jadi mereka berakhir dengan kematian.

Fikirkanlah tentang Yudas Iskariot, yang pernah menjadi salah seorang pengikut Yesus. Dia telah menjadi saksi pertama dalam pelayanan Yesus tetapi akhirnya mengkhianati Yesus demi 30 keping wang perak kerana mencari keuntungan diri sendiri. Akibat tidak dapat mengatasi rasa kesal dan penyesalan, Yudas membunuh diri tanpa mempunyai peluang untuk bertaubat atas apa yang telah dilakukannya.

Situasi 3: Sengaja Berbuat Dosa selepas Menerima Pengetahuan tentang Kebenaran

Ibrani 10:26-27 menyatakan, “Tidak ada lagi korban yang dapat menghapuskan dosa, jika kita dengan sengaja terus berdosa, setelah ajaran benar tentang Berita Baik sudah disampaikan kepada kita. Satu-satunya yang masih tinggal bagi kita adalah dengan takut menantikan pengadilan Allah dan api dahsyat yang akan membinasakan orang yang melawan Allah.” Petikan ini secara khusus untuk orang yang mengetahui dan percaya kepada kebenaran tetapi terus melakukan dosa yang telah diperingatkan oleh Tuhan kepada kita.

Seperti yang diperingatkan oleh 2 Petrus 2:21-22, “Lebih baik orang seperti itu tidak pernah mengenal cara hidup yang dikehendaki oleh Allah, daripada mereka mengenalnya lalu tidak mahu mentaati perintah yang diberikan oleh Allah. Apa yang berlaku kepada mereka membuktikan bahawa peribahasa ini benar, “Anjing akan makan semula apa yang sudah dimuntahkannya,” dan “Babi yang sudah dimandikan, akan bergulingan semula di lumpur,” orang yang sengaja berbuat dosa sedar bahawa mereka telah berbuat dosa. Mereka bertaubat daripada apa yang telah dilakukan oleh mereka, tetapi kemudian kembali kepada corak kehidupan yang berdosa.

Ada suatu ketika Raja Daud tergoda untuk seketika dan melakukan dosa pembunuhan yang mengerikan. Namun

begitu, dia segera bertaubat dan berpaling dari jalannya apabila seorang nabi menunjukkan kesalahannya. Apabila dia mengalami ujian daripada Tuhan atas dosanya, Daud dapat mengatasinya dengan kerendahan hati yang seterusnya membolehkan dia mencabut sifat berdosa dari dalam hatinya dan menjadi sempurna pada pandangan Tuhan. Walau bagaimanapun, kisah Raja Saul adalah berbeza sama sekali. Walaupun Nabi Samuel mendatangi dan mengingatkannya tentang kesalahannya, raja itu hanya memberikan alasan dan tidak bertaubat.

Hal ini juga benar pada hari ini. Jika seseorang yang mengaku imannya dan mengetahui kebenaran melakukan dosa, dia haruslah mengoyakkan hatinya dalam pertaubatan, berjalan dalam cahaya, dan menghasilkan buah yang baik ketika Roh Kudus sendiri bermohon kepada Allah dengan erangan yang tidak diutarakan dengan kata-kata. Namun begitu, jika dia dengan sengaja berbuat dosa, Tuhan akan memalingkan wajah-Nya daripada dia dan dalam keadaan sedemikian, orang itu tidak akan menerima roh pertaubatan dan akan berakhir dengan menghalang Roh Kudus (1 Tesalonika 5:19).

Saudara dan saudari yang saya kasih dalam Kristus, walaupun nama anda tercatat dalam Kitab Orang Hidup apabila anda menerima Tuhan Yesus, nama anda akan dihapuskan jika anda tidak bertaubat di hadapan Tuhan dan memusnahkan tembok dosa (Wahyu 3:5).

Tambahan pula, walaupun kesalahan yang kita lakukan bukanlah “dosa yang membawa kematian”, tanpa menyingkirkannya dan bertaubat daripadanya kita tidak akan dipenuhi oleh Roh Kudus, malah digoda oleh Iblis dan dipaksa untuk melakukan “dosa yang membawa kematian” dan keselamatan akan menjadi hal yang sangat memalukan. Oleh itu, saya berdoa demi nama Tuhan Yesus Kristus agar anda anda berjuang menentang dosa sehingga tahap menumpahkan darah dan menyingkirkan semua bentuk kejahanan (Ibrani 12:4; 1 Tesalonika 5:22).

Berita Manmin

Malay

Diterbitkan oleh Gereja Pusat Manmin

73, Yeoidaebang-Ro 22-Gil, Dongjak-Gu, Seoul, Korea Selatan
 [Poskod: 07056]
<http://www.manminnews.com/2012/nation/ebooks.asp?nation=mal>
www.manminnews.com
 E-mel: manminhq@manmin.kr
 Penerbit: Dr. Jaerock Lee
 Diterjemahkan oleh Biro Misi Luar Negara

Pengakuan Iman

1. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa Alkitab ialah Firman Tuhan yang sempurna dan tidak bercacat cela.
2. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kesatuan dan karya Tuhan Triniti: Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Tuhan Roh Kudus.
3. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa kita diampunkan daripada dosa kita hanya melalui darah penebusan Yesus Kristus.
4. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kebangkitan dan pengangkatan Yesus Kristus, Kedatangan-Nya yang Kedua, Kerajaan Seribu Tahun, dan Syurga yang abadi.
5. Anggota Manmin mengaku iman mereka melalui “Pengakuan Iman Rasul” pada setiap kali mereka berkumpul dan percaya kepada kandungannya kata demi kata.

“Syukur atas kehidupan harian saya yang sihat selama 16 tahun selepas sembah daripada dermatitis atopik!”

Saudari Sehee Park (Usia 30, Gereja Manmin Suncheon di Korea)

Sudah 16 tahun sejak saya sembah daripada ekzema melalui doa Pastor Kanan; dan penyakit ini tidak kembali sejak itu. Setiap kali saya mengenangkan masa itu, saya memberikan kesyukuran kepada Tuhan atas rahmat dan kasih-Nya. Ekzema saya bermula pada usia lima tahun. Pada setiap kali musim panas, ekzema muncul pada lipatan lengan dan kaki dan kemudiannya reda. Perkara yang sama berlaku pada bulan Jun 2007. Saya berfikir bahawa ekzema itu akan reda seperti sebelumnya. Namun begitu, ekzema itu merebak dengan teruk ke seluruh kaki, tangan, telinga dan muka saya pada bulan Ogos.

Tubuh saya terasa sangat gatal jadi saya menggarunya sehingga berdarah. Apabila saya bangun dari tidur, bantal dan cedar tilam berlumuran darah dan rembesan. Wajah saya membengkak, dan sedikit sahaja pembukaan mulut saya akan mengakibatkan kulit terkoyak. Sangat sukar bagi saya untuk bercakap atau makan dalam keadaan sebegini. Saya perlu membuka mata saya secara manual kerana mata saya melekat akibat rembesan. Luka saya juga terkoyak; mengakibatkan lebih banyak darah dan rembesan mengalir keluar. Kesakitan ini merupakan kitaran yang tidak berkesudahan.

Pihak hospital mendiagnosinya sebagai dermatitis atopik yang teruk. Saya mengambil peluang ini untuk sembah dengan iman. Pada masa itu, terdapat banyak kesaksian tentang

kesembuhan daripada dermatitis dalam berita video mingguan ‘Majalah Manmin’. Kesaksian-kesaksian itu memberikan keyakinan kepada saya bahawa saya juga akan sembah melalui doa Pastor Kanan. Saya kerap menyemburkan Air Muan (Keluaran 15:23-25) pada bahagian yang terjejas seolah-olah air itu ialah ubat. Ekzema menyebabkan rasa terbakar dan kegatalan pada tubuh tetapi semburan Air Muan melegakan rasa terbakar dan kegatalan. Menghadapi ekzema membuatkan saya lebih bersungguh-sungguh untuk bergantung pada Tuhan, dan saya lebih setia dalam menjalankan tugas yang diberikan oleh Tuhan berbanding dengan sebelumnya.

Saya berdoa dengan berpuasa dan mula bertaubat. Saya pergi ke Seoul dengan ibu bapa saya sekali dalam sebulan untuk menerima doa Pastor Kanan. Pada bulan September 2007, saya menerima doa yang pertama daripada Pastor Kanan. Kemudian, cecair dan rembesan daripada luka ekzema mengering dan kegatalan berkurangan. Pada bulan Oktober, saya menerima doa Pastor Kanan untuk kali kedua dan kudis mula terbentuk pada seluruh tubuh saya. Kudis itu mengecil dan tertanggal apabila kulit baru muncul. Selepas menerima doa pada kali ketiga pada bulan November, saya telah sembah sepenuhnya daripada ekzema.



Haleluyah!

Saya sangat bersyukur dapat bertemu dengan Tuhan Yang Maha Baik. Jika tidak, saya masih akan hidup dalam kesakitan. Bagaimanakah mungkin saya dapat begitu selesa dalam bercakap, makan, dan memakai singlet dan seluar pendek pada musim panas? Saya memberikan segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan yang menghiburkan saya di tengah-tengah kesakitan dan kesedihan, serta menyembuhkan saya daripada ekzema yang teruk. Saya juga berterima kasih kepada Pastor Kanan yang membimbing saya untuk bertemu dengan Tuhan Yang Maha Hidup.



“Saya memberikan kesyukuran kepada Tuhan atas kesembuhan anak saudara saya daripada autisme!”

Saudari Wesley Gonzalez (Usia 31, Chile)

Apabila anak saudara saya bernama Sebastian yang tinggal di Callao, Peru tidak dapat berkata-kata walaupun pada usia tiga tahun, ibu bapanya merasakan ada sesuatu yang tidak kena dan membawanya ke hospital untuk pemeriksaan. Dia disahkan menghidap autisme. Doktor mengatakan bahawa Sebastian akan menjalani seluruh hayatnya dengan autisme. Seluruh keluarga berasa terkejut dan sedih mendengar berita itu. Apabila saya mendengarnya, saya berunding dengan isteri saya lalu memutuskan untuk menghadiri Perjumpaan Kesembuhan Ilahi dan menerima doa pada gambar anak saudara saya. Selepas memberitahu mereka, saya dan isteri berdoa dengan sungguh-

sungguh dan mempersiapkan diri untuk Perjumpaan itu.

Pada 25 November 2022, kami menghadiri Perjumpaan Kesembuhan Ilahi menerusi YouTube lalu saya meletakkan sapu tangan kuasa Tuhan di atas gambar anak saudara saya dan dengan iman menerima doa Pastor Soojin Lee untuk orang sakit (Kisah Rasul-rasul 19:11-12). Sejak itu, anak saudara mula bercakap malah dapat mengungkapkan keinginannya untuk ke bilik air. Sekarang dia tidak perlu lagi memakai lampin. Saya memberikan segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Yang Maha Kasih yang menyembuhkan anak saudara daripada autisme.



Diaken Jiwon Lee
(Usia 53, Paroki Ke-6)

“Sembuh daripada penyakit kayap!”

Selepas cuti Tahun Baru Cina pada bulan Januari 2023, saya berasa pening dan letih. Bahagian belakang saya juga terasa mengeras. Pada 25 hari bulan, rasa sakit semakin memuncak dan terasa seperti jarum mencucuk-cucuk pinggang kiri saya. Pada 28 hari bulan, gejala yang saya hadapi semakin teruk sehingga sulit untuk saya menggerakkan badan saya. Saya mendapati bahawa saya sentiasa berbaring. Pada hari Ahad, 29 Januari, saya sedang mandi apabila saya mendapati lepuh berisi cecair pada bahagian pinggang kiri dan belakang saya. Saya menyedari bahawa saya menghidap penyakit kayap. Selepas ibadat petang pada hari yang sama, saya menerima doa daripada Pastor Soojin lee. Apabila saya menerima doa itu, kesakitan dengan sensasi terbakar pada kulit saya dan rasa seperti dicucuk-cucuk oleh jarum berkurangan. Apabila gejala yang saya alami berkurangan, saya yakin bahawa Tuhan sedang menyembuhkan saya.

Pada keesokan harinya, saya berdoa

siang dan malam merenungkan khutbah-khutbah dalam ibadat hari Ahad. Saya teringat bahawa saya pernah menyakiti orang di sekeliling saya dan bertaubat daripada kerangka pemikiran yang mengandung kebenaran diri dan mementingkan diri.

Saya berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencari kekurangan diri saya dalam berinteraksi dengan orang lain. Saya bertaubat daripada kata-kata salah yang saya ujarkan dan berusaha untuk membetulkan kata-kata saya. Saya menitiskan banyak air mata dan berasa sangat terharu memikirkan kasih Tuhan yang mahu saya berubah oleh kebenaran dan masuk ke dalam kerajaan syurgawi yang lebih baik. Akhirnya pada 3 Februari, saya terbangun secara ajaib dengan mendapati bahawa tiada lagi kesakitan dan bahagian kayap telah bertukar kepada kudis. Haleluya! Saya memberikan segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Bapa, Tuhan Yesus dan Roh Kudus Yang Maha Kasih.

